

Headline	6 kali masuk jel		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	13 Apr 2017	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	50	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	340 cm ²
Journalist	Nurul Hidayah Bahaudin	AdValue	RM 13,343
Frequency	Daily	PR Value	RM 40,029



ANTARA peniaga yang ditahan AADK. Gambar kecil, peralatan menagih dadah yang ditemui.

Nurul Hidayah Bahaudin dan Amirul Aiman Hamsuddin
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

'Kubur sudah kata mari' namun sepasang suami isteri yang menghidap penyakit HIV dan batuk kering serius masih enggan meninggalkan aktiviti menagih dadah.

Pasangan itu masing-masing berusia 38 dan 40 tahun itu dikesan menagih syabu berduka-duaan di sebuah bilik rumah setinggan di Kampung Baru, di sini, sejak awal tahun ini.

Penagih wanita yang hanya mahu dikenali sebagai Wati berkata, dia dan suami mula menagih dadah sejak berpindah ke Chow Kit, di sini, sembilan tahun lalu selepas

■ Pasangan hidap HIV, batuk kering tak kisah ditahan asal dapat lepas gian

terpengaruh dengan ajakan rakan-rakan yang tinggal di kawasan berkenaan.

"Saya dan suami menerima ajakan rakan untuk menagih dadah dan mereka sanggup memberi dadah secara percuma kerana mengetahui kami tiada wang. Sejak itu, kami mula gian dan menjadi penagih tegar.

"Akibatnya sudah enam kali saya dan suami keluar masuk penjara kerana ditahan pihak berkuasa atas kesalahan menagih dadah sejak 2011.

"Malah tiga anak kami berusia lingkungan tiga hingga sembilan tahun terpaksa diserahkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)," katanya selepas ditahan Agensi Anti Dadah Kebangsaan

(AADK) Dang Wangi dalam serbuan di Jalan Dewan Dewan Sultan Sulaiman, Kampung Baru, di sini, awal pagi kelmarin.

Wati mengakui gaya hidup sebagai penagih tegar menyebabkan mereka menghidap penyakit HIV dan tibi.

"Saya disahkan menghidap HIV ketika mengandungkan anak sulung selepas dijangkiti suami yang gemar melanggan pelacur.

"Namun, saya bersyukur ketiga-tiga anak kami bebas daripada HIV walaupun kami berdua menghidap penyakit berkenaan," katanya.

Mereka antara 15 penagih tegar yang ditahan selepas pemeriksaan dilakukan terhadap 28 individu termasuk enam

wanita berusia lingkungan 31 hingga 40 tahun dalam serbuan di tiga lokasi sekitar Jalan Dewan Sultan Ismail, Kampung Baru, di sini.

AADK turut membuat serbuan di tempat letak kereta haram dan kedai besi buruk di lokasi berkenaan.

Sementara itu, Ketua Pegawai AADK Dang Wangi, Mohamad Hanif Omar berkata, kawasan itu kerap diserbu pihak berkuasa kerana ia dijadikan sarang penagihan dadah berikutan lokasinya tersembunyi dan terpencil.

"Rumah setinggan ini diserbu dua bulan sekali dan kami berjaya menahan puluhan penagih dadah tegar yang bersilih ganti menetap di rumah berkenaan," katanya.